

Abdullah Munshi, Kesedaran Islam dan Kolonialisme*

oleh

Azhar Ibrahim Alwee
Institut Pendidikan Nasional

Kajian kesusasteraan Melayu moden tidak dapat tidak harus menyinggung ketokohan sastera yang diterokai oleh Abdullah Munshi. Tokoh ini mungkin adalah seorang peribadi yang paling banyak diperkatakan, disanjung, dan pada masa yang sama diragui, dikritik, dan dikesampingkan atas beberapa sebab. Juga telah banyak diperkatakan tentang statusnya sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu moden, semenjak beliau diangkat oleh para pengkaji Barat, dan kemudiannya itu, dituruti kalangan ini oleh para pengkaji pribumi yang sememangnya mudah saja menerima perspektif daripada pengkaji orientalis dari Barat.

Golongan yang terdidik dalam pendidikan kolonial, yang telah diperkenalkan kepada tulisan Abdullah, khasnya *Hikayat Abdullah*, menganggap beliau sebagai tokoh pembaharuan yang mengajukan kemajuan kepada masyarakat Melayu dengan bertekad keluar dari kekolotan masyarakat tradisional. Semenjak dari awal lagipun, karya Abdullah telah digunakan di sekolah-sekolah Melayu di Singapura yang didirikan khasnya oleh para mubaligh Kristian maupun pemerintah kolonial. Ertinya, karya Abdullah semenjak dari awalpun telah diberi peluang untuk ditatapi dan diterima khalayak sekolah Melayu dek kerana asosiasinya dengan pemerintah kolonial, yang tentunya menjadi penaung baginya.

Dalam zaman selepas kemerdekaan, tanggapan tentang Abdullah semakin rencam. Golongan pembaharu yang mahukan semangat kesedaran di kalangan massa Melayu, melihat suara-suara kritik Abdullah sebagai gendengan untuk mengumumkan perjuangan mereka. Teguran Abdullah tentang kepimpinan, tentang kealpaan memajukan bahasa dan pentingnya

* Kertas kerja ini disampaikan di seminar pendidikan pada 5 Mac 2007 anjuran Institut Pendidikan Nasional Singapura.

menuntut ilmu, menjadi tarikan utama. Jadi tidak hairanlah karya-karya Abdullah telah diajarkan dari awal di sekolah menengah hinggalah ke peringkat pra-universiti. Selainnya, ia juga dikuliahkan di universiti, sepertimana juga Abdullah mendapat tempat dalam kurikulum kolonial.

Zaman selepas kemerdekaan juga menyaksikan lapangan Pengajian Melayu di universiti semakin diperluas, baik di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia serta Universiti Nasional Singapura. Terdapat ramai pengkaji kesusasteraan Melayu (baik di dalam atau luar universiti) memberi perhatian kepada karya-karya Abdullah. Para sarjana yang dilatih oleh para pengkaji Barat/orientalist tentu saja mempunyai kecenderungan mengulangi perspektif yang dominan tentang Abdullah. Namun umumnya, penelitian tentang Abdullah lebih ditekankan pada segi kesasteraannya dan bahasanya. Kajian teks tentang Abdullah lebih mendapat keutamaan daripada konteks di mana Abdullah berkarya dan lingkungan yang barang tentu mempengaruhi pemikiran dan nilai-nilai yang dipegangnya.

Namun yang paling menonjol ialah tanggapan daripada golongan nasionalis selepas kemerdekaan – mereka amat tersinggung dan marah akan perkataan “bodoh” yang Abdullah letakkan kepada orang Melayu. Abdullah bagi mereka adalah anak terjajah yang bersekongkol dengan penjajah, mendapat naungan dan perlindungan. Abdullah bagi mereka telah menghina bangsa Melayu dengan perkataan seperti “bodoh” dan “bebal”. Bagi mereka, Abdullah menghina orang Melayu demi mengagungkan penjajah Inggeris; justeru untuk kepentingan diri semata. Di kalangan penulis nasionalis yang chauvinis, Abdullah dianggap menghina Melayu kerana dia bukan orang Melayu *jati* dan secara implicit, beliau tidak memahami masyarakat Melayu, dan tentu pula tiada hak untuk memperkatakan tentang masyarakat Melayu. Mereka juga meragui kerjasama Abdullah dengan para mubaligh Kristian. Ada pula yang berpendapat Abdullah memang sengaja digunakan oleh penjajah untuk menumbuhkan benih memuja Barat, beriringan dengan menghina budaya dan bangsa mereka sendiri.

Malah di tangan penulisan revivalislah, perkara ini digembar-gemburkan, seolah-olah Abdullah itu telah menjadi pendosa besar sehinggakan terjadi kristianisasi di kalangan masyarakat Melayu. Dengan menterjemahkan beberapa risalah dalam Perjanjian Baru (*New*

Testament Bible), Abdullah bagi mereka telah bersubahat, dan ini seiras menjadikan beliau seorang yang akidahnya rapuh. Golongan revivalis ini, yang sememangnya tiada pernah menunjukkan ketekunan mengkaji, sewenangnya melancarkan cemuhan ke atas Abdullah sebagai talibarut mubaligh Kristian dengan diayah untuk mengkristiankan bangsa Melayu. Dalam erti kata lain, Abdullah hanya dinilai dari segi kerjasamanya dengan para mubaligh Kristian. Juga, kecenderungan pemikiran para revivalis Melayu-Islam yang anti-penjajah/anti-kristian/anti-sekular melihat Abdullah sebagai titik-tolak upaya kolonial untuk menjauhkan masyarakat Melayu daripada Islam. Dengan galaknya pengkaji Barat yang mengajukan Abdullah sebagai ‘bapa kesusasteraan moden’, ini dilihat sebagai cara halus untuk membawa budaya sastera Melayu lari daripada tradisi persuratan Islam yang seharusnya (bagi kumpulan ini) mendasari kebudayaan estetika Melayu.

Yang menarik dalam beberapa kajian yang boleh kita teliti ialah betapa kurangnya pula penelitian melihat pemikiran Islam yang dipegang oleh Abdullah itu sendiri. Sebagai Muslim, Abdullah menegaskan akan keteguhan kepercayaannya terhadap Islam, betapapun beliau sedar akan kutukan yang beliau terima kerana bekerjasama dengan para mubaligh Kristian. Malah, beberapa pegawai kolonial dan mubaligh Kristian bukan saja terpegun dengan keilmuan Abdullah, tetapi mereka sendiri menghormati akan kuatnya pegangan Abdullah terhadap Islam. Sayangnya, kita sering mendapati adanya kritikan yang mengatakan Abdullah berani dan mampu mengkritik kerana dia ‘termakan’ dengan diayah dan pemikiran Barat. Jadi, bila Abdullah mengkritik ketidakadilan dan huru-hara perang dalam negeri-negeri Melayu, ianya adalah disebabkan kerana Abdullah sudah terpengaruh oleh pemikiran Barat. Tanggapan ini sangat tidak munasabah kerana beranggapan seseorang seperti Abdullah hanya mampu mengkritik tentang pemerintahan Melayu feudal dek kerana dia menggunakan nilai dan ukurtara Barat! Tanggapan ini sekaligus merendahkan nilai-nilai yang dibawa dalam Islam itu sendiri, seolah-olah kita hanya berani mengkritik sekiranya kita sudah disodok oleh pemikiran Barat. Ternyata bila Abdullah mengkritik feudalisme Melayu, beliau membuat rujukan kepada kitab *Taj us Salat* yang meletakkan tanggungjawab memerintah secara adil kepada pemegang kuasa, sebagaimana yang beliau rakamkan dalam *Kisah Pelayaran Abdullah*. (Teks *Taj Us Salat* ini sudah lazim terpakai dan dikenali umumnya di rantau ini semenjak ia terkarang pada 1603 Masehi di Aceh). Jelasnya, Abdullah menegur penguasa feudal Melayu

bahawa adalah menjadi tuntutan agama agar mereka memerintah dengan adil, menjaga kebajikan rakyat, dan bukan pula berfoya dan berleka memakan candu.

Kajian pemikiran Abdullah dalam konteks kolonial, meletakkan kesedaran Islamnya di saat melihat keruntuhan negeri-negeri Melayu pada abad ke-19, disamping keterpegunannya terhadap “orang putih”, adalah kupasan yang berlapis yang memerlukan ketelitian dan kecermatan analisis. Golongan kesarjanaan kritis dalam pengajian Melayu cenderung untuk mencuba ini. Ada yang menyebut Abdullah sebagai jenis manusia baru yang wujud dalam sejarah pemikiran Melayu; ada pula yang meletakkan sistem nilai Islam yang dipegangnya sebagai landasan kesedarannya terhadap kepincangan masyarakat Melayu; ada pula yang melihat sumbangan instrumentalnya yang membenarkan kepandaian mencetak dalam budaya penulisan Melayu. Kalau Abdullah pernah dikatakan sebagai “bukan Melayu” oleh pengkritiknya dek kerana jurai keturunan Tamil-Arabnya, maka sukar sekali untuk kita menafikan bahawa identiti Melayunya itu terletak pada asosiasi dan keterikatan kepada nasib masyarakat Melayu. Rasa keterikatan beliau inilah yang tentu sekali munasabah untuk kita ajukan pandangan bahawa pemikiran Abdullah adalah salah satu batu tanda dalam perkembangan pemikiran intelektual dan kesedaran nilai-nilai Islam dalam masyarakat Melayu. Penerokaan Abdullah ini, betapapun dilatari dengan beberapa kekurangan, sayugia harus dipandang serius dan diapresiasi dengan berpeda dan berpadan.
